

**TEKS UCAPAN**  
**MAJLIS PERASMIAN HARI SUKAN NEGARA 2021**  
**PERINGKAT NEGERI PERAK**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam sejahtera

1. Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
2. Yang Berhormat Tuan Azmir Shah Bin Zainal Rahim  
Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
3. Yang Berhormat Dato' Zulazlan Bin Abu Hassan  
Pegawai Kewangan Negeri Perak
4. Yang Berhormat Encik Khairul Shahril Bin Mohamed  
Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi Dan Multimedia
5. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Perak
6. YBrs. Encik Mohd Soufi bin Mohd Ibrahim  
Pengarah Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Perak

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri Perak, pemimpin-pemimpin persatuan sukan dan pertubuhan belia negeri Perak, Ahli-ahli Parlimen Belia Negeri Perak, ADUN-ADUN Dewan Belia Negeri Perak, wakil-wakil media, barisan urusetia dan jawatankuasa pelaksana serta tuan-tuan dan puan-puan hadirin Majlis Perasmian Hari Sukan Negara 2021 Peringkat Negeri Perak.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kasih dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul di Stadium Perak pada pagi ini untuk meraikan hari yang sangat istimewa.
2. Pertamanya, saya mewakili seluruh jentera pentadbiran kerajaan negeri, mengucapkan selamat Hari Sukan Negara kepada seluruh rakyat negeri Perak khususnya kepada para penggiat sukan.
3. Hari Sukan Negara merupakan hari yang diilhamkan sebagai hari ikonik tahunan kepada rakyat Malaysia. Saya percaya, hari ini tentunya dinanti-nantikan oleh seluruh masyarakat kerana pada kebiasaannya pelbagai aktiviti dan acara sukan yang akan diadakan dengan penuh meriah.
4. Namun, sambutan kali ini berlangsung dalam suasana yang sederhana kerana kita masih perlu mematuhi SOP sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19.
5. Meskipun begitu, saya percaya, walaupun dalam suasana krisis kesihatan yang masih membenggu negara, sambutan Hari Sukan Negara ini tetap meriah dan memberi makna yang istimewa untuk kita semua.
6. Justeru, saya menyeru masyarakat khususnya di Perak supaya berilah sokongan terhadap usaha ini dan sama-sama menyahut semangat Hari Sukan Negara dengan mengadakan aktiviti sukan di kawasan kediaman dan komuniti masing-masing secara individu atau berkumpulan.

7. Namun, suka untuk saya mengingatkan diri saya dan kita semua supaya apa jua aktiviti sukan yang dilakukan, biarlah ia berpandukan kepada SOP Sukan dan Rekreasi yang sedang berkuatkuasa.
8. Walaupun sudah ada kelonggaran-kelonggaran tertentu, jangan kita merasa terlalu selesa sehingga leka atau terlupa bahawa kita masih berdepan situasi krisis kesihatan. Jaga diri dan keluarga supaya penularan wabak COVID-19 dapat sama-sama kita hentikan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Sukan adalah sebahagian daripada agenda nasional yang mampu menyemarakkan semangat patriotik dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Sukan mampu menjadi wadah penting dalam usaha kita untuk membentuk sebuah Keluarga Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.
10. Sejak berdekad lamanya, sukan telah mengajar kita untuk menyelami erti perpaduan, bekerjasama dan menanam rasa cinta kepada negara. Sukan telah mengikat kita sebagai bangsa yang tebal dengan nilai-nilai kasih sayang. Sukan telah menyatukan kita merentasi garis-garis kaum dan agama.
11. Jangan sesekali kita mencemarkan keindahan dan kedamaian sukan dengan elemen atau pandangan negatif. Jadikanlah sukan sebagai jambatan untuk kita lebih bersatu padu dan saling memahami. Jadikan sukan sebagai pentas untuk kita sama-sama mengharumkan nama negara.
12. Pencapaian cemerlang atlet negara di sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 baru-baru ini merupakan bukti kejayaan

Malaysia di arena sukan antarabangsa. Semangat seperti ini yang kita perlukan sebagai pendorong kepada pembudayaan dan pembangunan sukan secara menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi.

13. Seperti semua sedia maklum, salah seorang daripada wira negara yang berjaya meraih emas di Paralimpik Tokyo 2020 adalah saudara Cheah Liek Hou. Kejayaan beliau amat bermakna buat kita semua kerana beliau merupakan atlet yang pernah mewakili Perak dalam temasya Para SUKMA.
14. Saya berharap dengan pencapaian beliau menjadi pembakar semangat terutamanya kepada anak-anak muda bahawa sukan adalah kerjaya yang mampu menjamin masa depan dan akhirnya akan menyumbang kepada ekonomi diri, keluarga dan negara.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

15. Saya memohon semua pihak untuk bersama-sama kita untuk sentiasa berdoa, mudah-mudahan urusan kita sentiasa dipermudahkan dan kehidupan kita kembali seperti sedia kala. Besar harapan kita semua supaya kegiatan sukan dapat dijalankan seperti sebelum ini.
16. Ayuh semua, marilah kita bersukan untuk kesihatan, bersukanlah demi perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian kita bersama.
17. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillah-ir-Rahman-ir-Rahim** saya merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara 2021 Peringkat Negeri Perak.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.